



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 30 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PERUNTUKAN RM2.1 JUTA KEPADA PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN DI LABUAN, BORNEO DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PEMILIK ANJING AKUI CUAJ, MOHON MAAF, BUKIT MERTAJAM, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	ZOO NEGARA NAFI HAIWAN TIDAK CUKUP MAKAN, NEGARA, KOSMO -15	
4.	LAW AMENDMENTS TO PROTECT FISHERY RESOURCES, NATIONAL, THE SUN -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	MELAKA PROMOSI SEMULA KUPANG, KERANG TINGKAT KEYAKINAN ORANG RAMAI, ASTRO AWANI -ONLINE	
6.	PESAWAH MOHON BANTUAN TUNAI UNTUK TANAM PADI, ALOR SETAR, SH -22	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	BELANJAWAN 2025: LKIM HARAP KERAJAAN TERUSKAN INISIATIF, BANTUAN KEPADA NELAYAN, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	PROJEK JAGUNG MUTIARA DI CAMERON HIGHLANDS, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN
9.	PESAWAH RAYU AGIH SEGERA SUMBANGAN BANJIR, NASIONAL, BH -20	
10.	BERAS IMPORT PATUT LEBIH MURAH SEKARANG, NASIONAL, SH -6	
11.	MACHINERY TO LOWER FARMING COSTS, EVENTS, THE STAR -8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2024	BORNEO DAILY	ONLINE	

KPKM peruntukan RM 2.1juta kepada petani, penternak dan nelayan di Labuan



Muhamad Sabu menyerahkan Mok Cek bernilai RM500,000 kepada Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Wilayah Persekutuan, Haji Bungso.

LABUAN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperuntukan sebanyak RM2.1 juta kepada golongan petani, penternak dan nelayan Labuan sepanjang tahun 2024.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peruntukan itu merupakan inisiatif kerajaan untuk menyokong petani penternak dan nelayan meningkatkan sumber pendapatan dan memperbaiki taraf hidup golongan tersebut.

“Peruntukan itu adalah sebahagian usaha Kerajaan Perpaduan membantu dan menyokong petani penternak dan nelayan melalui pelbagai program strategik yang bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi nelayan tetapi juga meningkatkan Keselamatan Makanan yang dihasilkan” katanya ketika ditemui media selepas merasmikan Program Libat Urus Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, disini kelmarin.

Antara program yang mendapat manfaat daripada peruntukan itu termasuklah ialah, Program Peningkatan Pendapatan Pesawah Luar Jangka, Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan, Program Pembangunan Pertanian Komuniti, Program Pembesaran Unjam Unjam dan Program Agropreneur Muda.



Muhamad Sabu meninjau pameran makanan tempatan.

Turut mendapat limpahan daripada peruntukan itu ialah Program Pembangunan Tanaman Buah Buahan jangka pendek dan panjang, Program Pembangunan Tanaman Sayuran Dan Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Negeri Wilayah Persekutuan turut menerima dana

peruntukan sebanyak RM500,000 serta Komuniti nelayan mendapat manfaat daripada pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan yang diperuntukkan sebanyak RM356,400 untuk tempoh Januari hingga Disember tahun ini.

Pada majlis itu, Muhamad Sabu bersama dif dif kehormat lain meninjau hasil makanan tempatan yang disediakan oleh penganjur.

Hadir sama pada majlis itu, Ahli Parlimen Labuan, Datuk Indera Suhaili Abdul Rahman, Ketua Lembaga Pertubuhan Peladang, Amir Matamin dan Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Wilayah Persekutuan, Haji Bungso Muhammad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2024	SINAR HARIAN	BUKIT MERTAJAM	26

Pemilik anjing akui cuai, mohon maaf

Buat laporan polis selepas mendapati rakaman haiwan peliharaannya diikat pada kereta menjadi tular

Oleh **SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI**
BUKIT MERTAJAM

Seorang lelaki membuat laporan polis selepas mendapati video anjing peliharaannya diikat pada kereta dipandunya menjadi tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Helmi Aris berkata, lelaki berusia 29 tahun itu mendakwa hanya

menyedar kejadian itu selepas diberitahu seorang pengguna jalan raya pada jam 8 malam, Sabtu lalu.

"Ketika berhenti di lampu isyarat Jalan Kulim, Taman Sentosa, seorang lelaki memaklumkan kepada pemandu yang juga pemilik haiwan ini bahawa terdapat seekor anjing diikat di belakang kenderaannya.

"Dia kemudiannya keluar dan mendapati anjing peliharaannya diikat pada 'bahagian bampar,' katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Jelas Helmi, lelaki tersebut terus menghubungi isterinya dan dimaklumkan anjing berkenaan diikat adik iparnya untuk mengelakkan haiwan itu berkeliaran ke rumah jiran.

"Dia (lelaki) mengaku kecuaiannya dan tiada niat menganiaya haiwan dan memohon maaf ke-

pada orang ramai.


"Pemandu terbabit tidak menyedari anjingnya diikat di belakang kereta ketika sedang memandu untuk ke kedai hingga menyebabkan haiwan ini terseret," katanya.

Jelasnya, akibat kejadian itu, haiwan peliharaannya mengalami kecederaan pada kaki dan dibawa ke klinik untuk rawatan.

"Lelaki ini membuat laporan polis jam 12.41 tengah malam pada Ahad dan siasatan mendapati, dia adalah pemilik berdaftar anjing berkenaan.

"Kes dirujuk ke Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan di-siasat mengikut Seksyen 29(1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015," katanya.

Helmi berkata, orang ramai dinasihat tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh menggugat keselamatan awam dan harta benda.



Rakaman video memaparkan pemandu kereta tidak menyedari anjingnya diikat pada bampar kereta.



ZOO NEGARA menjadi lokasi popular rakyat negara ini untuk membawa keluarga bersiar-siar terutamanya pada musim cuti sekolah.

Ada jadual makanan pastikan kesihatan terjaga

Zoo Negara nafi haiwan tidak cukup makan

Oleh NUR HIDAYAH MOHD. BOZID

PETALING JAYA – Zoo Negara menafikan dakwaan haiwan yang berada di zoo terbabit tidak dijaga baik dan dibiarkan kurus serta kurang bermaya seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

Menurut Timbalan Presiden Zoo Negara, Datuk Rosly @ Rahmat Ahmat Lana, kesemua haiwan tersebut dijaga rapi dan mengikut prosedur kesihatan ketat, termasuk pemantauan oleh pakar veterinar dan kakitangan terlatih.

"Itu tidak benar sama sekali. Pengunjung boleh datang sendiri untuk melihat keadaan haiwan kami seperti harimau, harimau kami tidak kurus. Haiwan di Zoo Negara tidak seperti haiwan peliharaan di rumah, mereka ada caduan makanan dan kami menjaga kesihatan dengan teliti," katanya.

Tambahnya, Zoo Negara sentiasa memastikan haiwan dipelihara tidak dibiarkan gemuk kerana keadaan tersebut boleh memberikan kesan negatif terhadap kesihatan.

"Haiwan di sini ada jadual dan catuan makanan ditetapkan kerana jika melebihi berat ideal, ia mengganggu kesihatan."

"Semua haiwan di Zoo Negara menerima penjagaan daripada pasukan veterinar yang berdedikasi. Jika ada haiwan tidak sihat, ia akan dipantau dan dijaga setiap hari," ujarnya.


Baru-baru ini, seorang pengarah yang berkunjung ke Zoo Negara meluahkan rasa ke-

cewa terhadap pengurusan zoo berkenaan apabila keadaan haiwan-haiwan di sana dikatakan tidak dijaga dengan baik.

Menurutnya, kebanyakan haiwan-haiwan yang ada kelihatan lemah, tidak aktif serta kurus.

"Saya punya keterujaan 'tidak boleh keluar' sebab harimau yang saya lihat tidak bertemaga. Saya pandang dia (harimau), dia pandang saya tak bertemaga. Tak ada pun dengar 'mengaum'."

"Kita sendiri boleh lihat binatang itu certa atau tidak. Perut harimau pun kempis, tukang bagi makan dekat Zoo Negara besar lagi perutnya. Haiwan yang ada pun jalan macam sakit. Kawasan sekeliling seperti tidak terurus. Akuarium ikan pun air keruh," dakwanya.



JAGUNG mutiara mempunyai permintaan tinggi di pasaran dan dijual pada harga lebih tinggi berbanding jagung biasa.

Projek jagung mutiara di Cameron Highlands

BENTONG – Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) mengorak langkah baharu apabila merintis penanaman jagung mutiara yang dijangka dimulakan awal tahun depan di Cameron Highlands.

Pengerusi Pasfa, Datuk Zamri Yaakob berkata, projek pertanian baharu itu akan dilaksanakan di tanah kerajaan negeri seluas 11 hektar di Kampung Terisu di sini.

“Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Cameron Highlands akan memulakan tanaman di kawasan tanah seluas dua ekar (0.8 hektar) sebelum diperluaskan secara berperingkat dari semasa ke semasa.

“Projek ini dijangka memberi pulangan yang baik dengan anggaran hasil pendapatan untuk tempoh 10 tahun sebanyak RM2.18 juta,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) ke-51 di sini kelmarin.

Menurut Zamri, jangkaan perbelanjaan pembangunan dan operasi bagi projek ini ialah sebanyak RM1.7 juta.

Katanya, jagung mutiara yang merupakan jagung premium mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai dan dapat dijual dengan harga lebih tinggi berbanding jagung biasa.

Law amendments to protect fishery resources

PUTRAJAYA: The Fisheries Department is set to amend the Fisheries Act comprehensively to better regulate aquaculture activities and enhance biosecurity measures, ensuring the protection of the nation's fishery resources.

Its director-general Datuk Adnan Hussain said the detailed amendments, which cover various aspects of the fisheries sector, are expected to be tabled in the Dewan Rakyat later this year.

"These amendments will address issues such as illegal, unregulated and unreported (IUU) fishing, port state measures, monitoring, control and surveillance, marine protected areas, aquaculture, biosecurity, expansion and fisheries impact assessment," he said.

He added that on April 24, the Cabinet approved in principle the proposed amendments. The Bill is expected to be tabled during the Parliament session from Oct 7 to Dec 5.

Adnan emphasised the importance of collective cooperation among stakeholders to effectively combat illegal fishing and eliminate IUU activities.

He said the department has spearheaded the establishment of the National IUU Main Committee and the IUU Working Committee to combat IUU fishing. These committees involve various enforcement agencies, including the Sabah Fisheries Department, Malaysian Maritime Enforcement Agency and marine police working together to address the issue.

"Malaysia is not exempt from the threat of IUU fishing by both local and foreign vessels. This is a complex, multi-dimensional problem that requires a strategic and multi-faceted approach. It begins with strengthening our monitoring efforts," said Adnan.

This year, 510 arrests have been made for violations under the Fisheries Act, resulting in fines totalling RM355,584, comprising RM75,263 from auctions and RM280,321 from compounds.

Adnan also highlighted the department's key role in promoting the aquaculture sector, particularly marine aquaculture, to support Malaysia's blue economy goals.

The National Agro-Food Policy 2021-2030 outlines strategies to enhance food security by developing the fisheries and aquaculture sectors. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Melaka promosi semula kupang, kerang tingkat keyakinan orang ramai



Muhamad Akmal (dua, kiri) dan Saufi Affandi (kiri) mengagihkan hidangan berasaskan cangkerang untuk diagihkan kepada pengunjung pada Program 'Rasa-Rasa Akuakultur, Jom Makan Kupang dan Kerang' di Pasar Tani Merlimau hari ini. - Gambar Bernama

JASIN: Kerajaan Melaka menerusi Jabatan Perikanan negeri giat mempromosikan kupang dan kerang dalam usaha mengembalikan

keyakinan orang ramai bahawa hasil akuakultur itu kini selamat dimakan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata larangan penuaian dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan negeri itu telah ditarik awal bulan lepas berikutan penurunan tahap biotoksin ke paras selamat.

Beliau berkata promosi itu akan dilaksanakan di seluruh negeri secara berperingkat antaranya di pasar tani menerusi Program Rasa-Rasa Akuakultur, Promosi Makan Kupang dan Kerang sekali gus mengangkat hasil akuakultur itu sebagai tarikan kepada pelancong tempatan dan luar negara.

"Kupang yang dipromosikan merupakan hasil akuakultur dari perairan Melaka iaitu di Sebatu dan ia lebih dikenali sebagai 'kupang manis' di samping hasil kerang juga adalah menerusi program yang kita jalankan bersama nelayan.

"Kajian yang dilakukan mendapati kupang di kawasan berkenaan adalah paling sedap dan manis, malah permintaan terhadap hasil akuakultur itu sangat tinggi sebelum isu pencemaran biotoksin berlaku," katanya kepada pemberita selepas Program Rasa-Rasa Akuakultur, Promosi Makan Kupang dan Kerang di Pasar Tani Merlimau di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Perikanan Melaka Saufi Affandi Talib.

Mengulas lanjut, Dr Muhamad Akmal berkata permintaan terhadap kupang dan kerang di perairan tersebut dijangka pulih dan meningkat dalam masa terdekat.

Terdahulu, beliau berkata sebanyak 120 kilogram (kg) kerang dan 100 kg kupang yang dimasak dalam pelbagai hidangan seperti kerang kukus, kerang bakar, kupang kukus serta kuetiau kerang telah diagihkan kepada kira-kira 2,000 pengunjung.

Sementara itu, pengunjung, Mohd Ismail Mahad, 46, dari Kampung Kilang Berapi berkata sebagai peminat tegar kupang dan kerang, beliau gembira larangan tersebut ditarik semula.

"Lama juga saya tidak makan kupang dan kerang disebabkan larangan berkenaan kerana risau kesihatan terjejas disebabkan isu pencemaran yang berlaku. Hari Raya Aidilfitri lepas pun tidak dapat masak hidangan rendang kerang," kata kakitangan sektor swasta itu.

Seorang lagi pengunjung yang juga peminat kupang, Rohana Deraman, 38, dari Merlimau Pantai turut menzahirkan rasa syukur kerana dapat menikmati semula juadah itu.

Beliau juga tidak melepaskan peluang untuk menikmati hidangan kupang kukus yang diagihkan kepada orang ramai pada program tersebut.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2024	SINAR HARIAN	ALOR SETAR	22



Seorang pesawah muda, Mohd Adam Haris Adnan, 19, menunjukkan tanaman padi yang rosak selepas sawah padi milik keluarganya ditenggelami air di Kampung Padang Luar, dekat Jitra.

Mat Razi Bahari, 58, dari Kampung Gunung Hilir, Alor Setar menunjukkan padi yang sedia dituai rosak selepas sawahnya dilanda banjir berikutan limpahan air pasang besar minggu lalu.

Pesawah mohon bantuan tunai untuk tanam padi

Tiada modal untuk usahakan sawah musim seterusnya akibat banjir baru-baru ini

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR



Seorang pesawah menunjukkan kawasan sawah yang ditenggelami air dalam di Kampung Lubuk Batu, Jitra.

Pesawah yang terjejas dengan banjir memohon agar kerajaan dapat menyalurkan bantuan tunai kepada mereka dengan segera bagi menyuntik modal untuk pusingan tanaman padi seterusnya.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH),

Abdul Rashid Yob, berkata, tanaman padi yang rosak akibat banjir pada kali ini disifatkan antara terburuk bagi sektor pertanian di Kedah dan Perlis dalam tempoh 20 tahun yang menyaksikan mereka kehilangan hasil.

Menurutnya, bantuan tersebut perlu disegerakan kerana tanaman padi musim dua 2024 dijangka bermula bulan depan.

"Hasil keuntungan yang diperolehi oleh pesawah akan digunakan untuk membeli benih dan membayar upah jentera bagi tanaman musim seterusnya, namun selepas tanaman padi rosak, mereka tidak mempunyai modal.

"Justeru, PeSAWAH merayu agar kerajaan mempercepatkan bantuan kepada golongan ini kerana dengan keadaan sekarang, kita bimbang akan ada dalam kalangan mereka terpaksa berhutang untuk meneruskan kehidupan," katanya pada Ahad.

Jelas Abdul Rashid, kejadian ban-



ABDUL RASHID

ji yang baru sahaja berlaku perlu diberikan perhatian oleh kerajaan kerana melibatkan keselamatan makanan negara.

Pada masa sama, dia turut berharap kerajaan menyemak semula skim bantuan tunai tabung bencana kerana pampasan maksimum yang dibayar untuk setiap pesawah dihadkan kepada tiga hektar.

"Bagi pesawah yang mengusahakan sawah berskala besar tidak akan menerima bantuan tunai lebih daripada tiga hektar," ujarnya.

Pada Khamis lalu, *Sinar Harian* melaporkan banjir besar yang melanda Kedah baru-baru ini menyebabkan 972 pesawah dalam wilayah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM13.5 juta.

Pada 21 September pula, media melaporkan seluas 5,822.59 hektar tanaman padi telah terjejas akibat banjir, dengan anggaran kerugian hasil padi mencecah RM32 juta di negeri-negeri utara.



Laporan Sinar Harian pada Khamis lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/9/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Belanjawan 2025: LKIM harap kerajaan teruskan inisiatif, bantuan kepada nelayan



Muhammad Faiz berkata ia bagi memastikan kebajikan nelayan terus dibela sekali gus mendorong mereka untuk lebih produktif dalam meningkatkan hasil tangkapan. - Gambar Bernama

BALIK PULAU: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap kerajaan dapat meneruskan inisiatif dan bantuan telah diberikan kepada nelayan sebelum ini dalam Belanjawan 2025 yang

akan dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 18 Okt ini.

Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil berkata ia bagi memastikan kebajikan nelayan terus dibela sekali gus mendorong mereka untuk lebih produktif dalam meningkatkan hasil tangkapan.

"Pertama, kita mahu subsidi dan insentif yang diberikan selama ini seperti subsidi diesel dan petrol, elaun sara hidup dan insentif tangkapan ikan itu dikekalkan secara prinsipnya.

"Kedua, segala bantuan untuk meningkatkan sosio ekonomi nelayan dalam bentuk perumahan iaitu baik pulih rumah dan juga bina baharu serta Touch Point (insentif/bantuan peralatan penangkapan ikan) juga dikekalkan untuk tahun depan," katanya kepada Bernama pada Majlis Ramah Mesra MADANI Pengerusi LKIM bersama Nelayan Pulau Pinang di Unit Nelayan Pulau Betong di sini hari ini.

Faiz berkata elaun sara hidup RM300 yang diberikan ketika ini adalah mencukupi, namun penting untuk mengekalkan subsidi minyak supaya nelayan dapat meneruskan aktiviti menangkap ikan.

Beliau berkata pihaknya bimbang sekiranya pemberian subsidi minyak dihentikan secara drastik akan merencatkan aktiviti penangkapan hasil laut memandangkan 60 peratus daripada kos operasi adalah minyak.

Selain itu, beliau turut mengharapkan supaya kerajaan dapat memberikan lebih banyak peruntukan bagi membaik pulih prasarana dan infrastruktur untuk pendaratan ikan melibatkan kompleks dan jeti.

"Di seluruh Malaysia, kita ada 48 buah kompleks dan jeti yang kebanyakannya sudah lama dan usang serta perlu dibaik pulih kerana apabila keadaan infrastruktur ini baik, kita yakin proses ataupun ekosistem perikanan itu akan lebih licin dan sempurna," katanya.

Sehubungan itu, Faiz berkata segala prasarana kepada nelayan perlulah lengkap dan kondusif supaya rakyat negara ini boleh mendapat bekalan ikan yang cukup pada harga yang stabil.

Pada Belanjawan 2024, Anwar mengumumkan kerajaan mengekalkan subsidi diesel pada harga terendah iaitu RM1.65 sen seliter kepada nelayan kelas tertentu dengan kuota 840 juta liter setahun, selain memberikan elaun sara hidup sehingga RM300 sebulan dan Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan, serta menyediakan RM10 juta untuk membina baharu serta membaik pulih rumah nelayan uzur.

Terdahulu, Faiz telah merasmikan kemudahan asas tempat menaikkan enjin sampan di Jeti Pendaratan Ikan Unit Nelayan Pulau Betong dan Projek Menaik Taraf Pusat Kegiatan Nelayan Di Kuala Sungai Pinang serta menyampaikan bantuan peralatan menangkap ikan (Touch Point) kepada 67 nelayan dari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pulau Pinang Selatan dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Teluk Bahang berjumlah RM150,000.

Turut disampaikan adalah bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) LKIM berjumlah RM356,547 kepada tujuh nelayan dari PNK Pulau Pinang Selatan dan PNK Teluk Bahang yang ditimpa bencana alam seperti kebakaran dan bot tenggelam di laut serta RM212,000 bagi Program Dana Nelayan kepada Pengerusi PNK Pulau Pinang Selatan, mewakili 12 nelayan dari PNK Pulau Pinang Selatan.

-- BERNAMA

PeSAWAH rayu agih segera sumbangan banjir

Alor Setar: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyeru kerajaan segera mengagihkan bantuan kewangan kepada petani yang terjejas akibat banjir, bagi membantu mereka kembali bangkit selepas bencana.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob, berkata dana bantuan selepas bencana itu penting terutama kepada petani yang kerugian tanaman bagi menyuntik modal mereka untuk bagi memulakan musim padi 2/2024 yang dijangka bermula bulan depan.

"Petani banyak bergantung kepada hasil jualan padi mereka untuk beli benih dan upah jentera untuk mulakan musim baharu tapi jika padi mereka rosak dan tiada hasil, mereka tiada modal untuk tanam.

"Kita bimbang untuk kelangsungan hidup pun mungkin mereka terpaksa berhutang, jadi kami merayu agar kerajaan dapat mempercepatkan bantuan untuk pesawah," katanya, di sini semalam.

Rashid berkata, secara kebiasaan kerajaan mengambil masa di antara enam bulan hingga setahun untuk mengagihkan bantuan kewangan kepada petani yang terjejas disebabkan bencana alam.

Katanya, kali ini dianggap yang terburuk untuk sektor pertanian padi di Kedah dan Perlis dalam tempoh 20 tahun kerana kebanyakan kawasan sawah hanya menunggu masa untuk dituai.

"Kerajaan mungkin kerana pampasan maksimum yang dibayar untuk petani dihadkan kepada tiga hektar sahaja.

"Ini bermakna, petani yang mengendalikan sawah berskala besar tidak akan menerima bantuan

tunai lebih daripada tiga hektar," katanya.

Rashid berkata, pihaknya juga berharap kerajaan menyemak semula harga lantai pembelian padi yang ditetapkan pada RM1,350 setiap tan ketika ini untuk dinaikkan kepada RM1,800 setiap tan.

"Harga lantai semasa tidak lagi relevan dengan kos input dan kos sewa mesin yang telah meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kami benar-benar berharap kerajaan akan mengambil kira perkara ini dalam merangka Belanjaan 2025," katanya.

Beliau menegaskan bahawa adalah penting bagi kerajaan untuk menyokong sektor penanaman padi kerana ia membabitkan keselamatan makanan negara.



Abdul Rashid Yob

30/9/2024

SINAR

NASIONAL

6

HARIAN

Beras import patut lebih murah sekarang

Susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar AS

Oleh SAJFULLAH AHMAD
BUKIT CANTANG

Harga beras import seharusnya menurun susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal bagaimanapun berkata, keadaan tersebut tidak berlaku ketika ini.

Menurutnya, susulan itu kerajaan digesa membuat penetapan harga beras import yang dijual di negara ini bagi memastikan harga makanan tersebut lebih rendah dapat dinikmati oleh rakyat.

"Dari segi harga barang ini di-

sebabkan dolar AS sudah menurun, ringgit dah semakin kuat, maka barang-barang yang kita import masuk ke dalam negara adalah lebih murah. Cuma sekarang pemain-permainan industri masih lagi di takuk lama.

"Sepatutnya ketika harga ringgit semakin kuat inilah maka harga beras import semakin rendah. Di sinilah kaedah untuk menetapkan harga beras sepatutnya telah dibuat," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penutup Kejohanan Memancing Kelubong Challenge di Dewan Orang Ramai Kampung Kelubong di sini pada Sabtu.

Syed Abu Hussin berkata, jika penetapan harga beras import tidak dilakukan, dibimbangi akan menjejaskan harga pasaran beras tempatan yang meningkat ketika ini.

Menurutnya, harga padi kini mencecah hampir RM2,000 bagi satu metrik tan sekali gus harga beras tempatan yang dijual RM26 bagi pek 10 kilogram (Kg) di kar-

nival jualan murah oleh agensi kerajaan, kemungkinan tidak dapat direalisasikan lagi pada masa akan datang.

Katanya, jika harga tersebut kekal dijual maka pesawah di negara ini akan menjadi mangsa.

"Harga beras tempatan seharusnya dijual antara RM35 hingga RM36 bagi pek 10kg. Sepatutnya harga itu telah ditetapkan sebab sekarang ini harga yang ditetapkan hanyalah beras tempatan iaitu RM26 tapi beras tidak ada. Sebab itu saya katakan beras tempatan itu dibungkus menjadi beras import.

"Jika sekarang ini harga beras import rendah mungkin satu masa nanti beras import akan dijual sebagai beras tempatan, jadi inilah yang perlu dipantau sebab pergerakan perniagaan pemain industri ini sangat licik," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan, ringgit dilaporkan melonjak ke paras 4.12 berbanding dolar AS dan muncul sebagai antara mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di dunia.



Syed Abu Hussin (tiga dari kiri) bersama pemenang Kejohanan Memancing Kelubong Challenge pada Sabtu.

Machinery to lower farming costs

Kedah farmers can save thousands yearly with padi harvester given by bank

A PADI harvester worth RM298,000 is among donated items that will make life easier for underprivileged farmers in Kedah.

The donation, made to Kedah State Zakat Board (LZNK), is part of a large-scale programme by CIMB Islamic Bank Bhd in support of the *asnaf* (those eligible to receive *zakat* or tithe).

The contribution was mobilised through CIMB Islamic's Zakat Wakalah Fund that aims to upskill local *asnaf* farmers, minimise the overall production and outsourcing costs of farming padi, and address the nation's food security challenges.

With the new padi harvester, each *asnaf* farmer could save up to RM5,600 yearly for each hectare, the bank said in a press release.

Instead of renting local machinery that usually costs about RM120 per *relong* (a local measurement equalling about 2.9ha), farmers will be able to rent the LZNK harvester for only RM40 per *relong*.

Also, *asnaf* farmers can save up to RM24 when transporting a tonne of padi and up to RM10 for the use of agricultural drones.

CIMB Islamic chief executive officer Ahmad Shahrman Mohd Shariff presented the harvester to LZNK chief executive officer Datuk Syekh Zakaria Othman during a handover ceremony.

Ahmad Shahrman said, "We are pleased to support *asnaf* farmers in Kedah through our collaboration with LZNK.

"As a strong proponent of value-based



Ahmad Shahrman (right) and Syekh Zakaria with the padi harvester in Yan, Kedah.

intermediation principles, we hope this contribution will enhance the efficiency of padi output and facilitate significant cost savings, empowering *asnaf* farmers while providing them with a sustainable source of income.

"CIMB Islamic remains committed to pioneering *zakat* distributions that address global challenges, particularly food security.

"Echoing government directives, we believe the effective use of Islamic social finance instruments such as *zakat* coupled with the embrace of technology will

uplift vulnerable communities by reducing social and economic disparities."

Syekh Zakaria said, "We would like to thank CIMB Islamic for its contribution of this padi harvester, which will make a lasting impact to the lives of the *asnaf* community in Kedah and ease their burdens by helping them find practical solutions to agricultural challenges.

"LZNK will also play its part in providing comprehensive training to the participating *asnaf* farmers on operating and managing the machine."

To ensure long-term food security,

LZNK set up the *Skim Smart Sawah Berskala Besar Asnaf* (Smart SBBA).

The programme aims to provide sufficient supply of rice while improving the socioeconomic status of Kedah's *asnaf* groups via farming work opportunities.

The efficiency of padi planting activities and post-harvest production are also managed through the scheme via the consolidation of land through contract farming.

LZNK is also ensuring food security in Kedah by providing 40 packets of rice to 590 food banks located at mosques across the state on a monthly basis.

Since its inception in 2021, the programme now encompasses 201.7ha of padi fields across four districts – Yan, Kuala Muda, Kubang Pasu and Kota Setar.

CIMB Islamic is among the pioneering banks in Malaysia to roll out this *zakat* initiative in partnership with LZNK.

This is in line with one of the key focus areas delineated by Malaysia International Islamic Financial Centre Leadership Council Position Paper launched in May.

CIMB Islamic has spearheaded various efforts to uplift underserved communities through long-term growth and development programmes.

These include "Program Keusahawanan CIMB Islamic-Taylor's", ITEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur Programme, CIMB Islamic-International Islamic

University Malaysia ITAAJIR Programme, Melon Manis Terengganu Graduate

Agropreneur Programme and CIMB MicroBizReady.